

**Dr Mahathir Yakin Sains, Matematik Dlm B.I. Boleh dikuasai Dgn Pendedahan Awal
- Puad
Bernama
27 Februari , 2012**

PUTRAJAYA, 27 Feb (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad cukup yakin bahawa penguasaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik di kalangan pelajar dapat dikuasai sekiranya mereka didedahkan di peringkat awal persekolahan.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Pelajaran Dr Mohd Puad Zarkashi berkata beliau mempunyai pendapat berbeza iaitu penguasaan Bahasa Inggeris perlu ditingkatkan bagi menguasai pelbagai bidang ilmu.

"Mungkin saya nampak macam ada perbezaan dalam isu bahasa dengan Tun Dr Mahathir, Tun memang konsisten Sains dan Matematik mesti dalam Bahasa Inggeris, saya pula melihat lebih baik kita meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris untuk kita menguasai sesuatu ilmu itu.

"Maksudnya memperbaiki cara untuk menguasai bahasa Inggeris itu, tapi bukan maksudnya belajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

Sebab itu, saya mengatakan bahawa dalam isu tamadun, soal bahasa penting, kalau bahasa tidak ada, tamadun akan hilang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Meja Bulat Tamadun Melayu Pasca Modenisasi di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648403>